



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MKBOKU TETAPKAN GARIS PANDUAN DAN DASAR AKSESIBILITI LAMAN SESAWANG DAN APLIKASI KEMENTERIAN

PUTRAJAYA, 25 Mac 2021 - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 1 Tahun 2021. Mesyuarat ini telah mengemukakan satu cadangan iaitu Menetapkan Garis Panduan dan Dasar Aksesibiliti dalam Laman Sesawang dan Aplikasi Kementerian, Agensi serta Penyedia Perkhidmatan Awam di Malaysia Berpandukan *Web Content Accessibility Guideline (WCAG)*.

“KPWKM menyambut baik syor yang dikemukakan kerana hak semua kategori OKU untuk akses kepada maklumat tidak boleh dinafikan seperti yang telah diperuntukkan oleh Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022. Perkara ini juga menepati kehendak *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)* dan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan OKU terutama OKU penglihatan terhadap orang lain dalam urusan harian mereka,” ujar Datuk Seri Rina semasa mempengerusikan mesyuarat ini.

Majlis secara dasarnya bersetuju dengan cadangan ini kerana aksesibiliti maklumat melalui platform digital adalah menepati kehendak trend perkembangan global pada masa kini terutamanya dalam keadaan

negara menghadapi ancaman pandemik COVID-19. Selaras dengan Teras Strategik 1 (b), Objektif 3, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dimohon untuk melihat cadangan ini dengan lebih terperinci.

Dalam mesyuarat ini juga, tiga (3) kertas makluman telah dibentangkan iaitu dapatan daripada *National Health & Morbidity Survey* (NHMS) 2019, Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia dan Kajian Sistem Sokongan kepada Penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Majlis turut bersetuju, input dan syor daripada dapatan tinjauan dan kajian ini dijadikan sebagai panduan kepada semua agensi berkaitan untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada OKU.

###

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 18, No 55 Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
03-83231773